

**PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM** oleh Noornajihan Jaafar. Penerbit KUIS: Selangor. 2015. Halaman 308. ISBN: 978-967-085-053-5

Buku yang berjudul *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam* ini membincangkan tentang pembangunan profesionalisme guru daripada banyak aspek secara menyeluruh. Aspek penting pembangunan guru pendidikan Islam merangkumi spektrum pendidikan, psikologi pendidikan, profesionalisme guru pendidikan Islam dan isu-isu semasa dalam bidang pendidikan Islam yang dibincangkan secara khusus di dalam buku ini.

### **Perbincangan Isi Kandungan**

Buku ini memulakan kupasan perbincangan dengan tajuk hakikat pendidikan dalam Islam. Dalam usaha bagi mengangkat peranan ilmu dan pendidikan, terdapat banyak kupasan yang dikongsi berkaitan kepentingan ilmu dalam Islam. Topik ini membincangkan peri pentingnya pendidikan menurut kaca mata Islam bermula dengan turunnya surah al-Alaq yang menyeru manusia agar membaca dengan kalimat *iqra'* dan diteruskan dengan perkaitan di antara al-Quran dan hadis dengan ilmu. Mendukung peranan junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai pendidik terbaik sepanjang masa, perbincangan diteruskan dengan kelebihan seorang guru iaitu profesyen yang mendapat kemuliaan di sisi Islam. Seterusnya perbincangan dilanjutkan dengan penekanan kepada aspek pendidikan jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi membentuk jati diri pelajar yang bersifat holistik. Buku ini menekankan peranan seorang guru bagi membangunkan diri seseorang pelajar dalam memastikan kejayaan didikan yang diberi.

Seterusnya, perbincangan pembangunan profesionalisme dalam kalangan guru pendidikan Islam dilanjutkan dengan meneliti aspek psikologi dalam pendidikan. Adalah menarik apabila perbincangan berkaitan pendidikan dikupas melalui aspek psikologi daripada perspektif Islam dan barat. Kecenderungan ilmuan barat berkongsi teori-teori psikologi menyebabkan kegemilangan ilmuan Islam tenggelam walaupun pernah cemerlang suatu masa dahulu. Penekanan ilmu kejiwaan ini mengunjurkan bahawa pendidikan akademik perlu seiring dengan pertumbuhan jiwa para pelajar bagi menyuburkan personaliti unggul dalam diri seseorang. Perbincangan di dalam topik ini menekankan kepentingan psikologi dalam proses pengajaran bahawa ilmu tidak semestinya bersifat fakta semata-mata. Akan tetapi haruslah ditimbang dengan emosi dan perasaan pengajar serta pelajar. Lanjutan daripada topik psikologi, kupasan tentang motivasi turut dibincangkan. Buku ini menggambarkan bahawa motivasi yang tinggi menyumbang kepada peningkatan tahap profesionalisme seseorang guru dalam menjalankan tugasnya kerana sentiasa ingin melakukan yang terbaik di dalam kerjayanya.

Perbincangan tentang personaliti merangkumi faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti, sifat dan ciri pendidik Muslim memantapkan lagi aspek psikologi pendidikan. Ini diperkemas lagi dengan kupasan mengenai sikap yang membincangkan ciri dan fungsi sikap, serta kaedah bagi mengubah sikap. Contoh, teladan kepada para pelajar adalah penting bagi seseorang guru bagi mengamalkan sikap-sikap yang terpuji. Maka topik ini boleh menjadi panduan kepada seseorang guru pendidikan Islam bagi mengukur tahap keupayaannya sebagai seorang guru.

Selanjutnya, buku ini mengupas tentang profesionalisme guru pendidikan Islam. Perbincangan ini merangkumi aspek penguasaan ilmu, pemikiran Rabbani, konsep sendiri,

efikasi sendiri, kemahiran pengajaran, kecerdasan pelbagai, akhlak dan keperibadian. Berkisarkan keperibadian seorang guru sebagai pendidik, topik ini mengupas secara panjang lebar tentang konsep, kepentingan dan pembahagian ilmu supaya jelas kepada pembaca. Kepentingan dan peranan ilmu dalam pemikiran Rabbani menjadikan pendidikan Islam lebih unik kerana perkaitan ilmu agama dan ilmu akademik diselarikan supaya berada pada paksi yang sama. Seterusnya, kupasan mengenal diri diteruskan dengan perbincangan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan konsep sendiri serta kepentingan konsep sendiri bagi mengenal diri individu seseorang guru yang seterusnya meningkatkan efikasi sendiri seseorang guru.

Mengambil kira kemahiran pengajaran sebagai tugas utama seorang pendidik, buku ini membincangkan dengan lanjut berkaitan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang perlu diketahui oleh seseorang pendidik, diikuti dengan topik pengajaran berdasarkan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Tugas seorang pendidik terutamanya guru pendidikan Islam bukanlah sekadar menyampaikan ilmu akademik semata-mata. Penerapan ilmu duniawi dan ukhrawi diseimbangkan melalui perbincangan di dalam buku ini bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan diri serta jiwa pendidik dan pelajar. Kupasan penerapan ilmu ini dilanjutkan dengan kepentingan kecerdasan pelbagai sebagai tanda cakna kepada keperluan pelajar yang mempunyai pelbagai kecerdasan dan kecenderungan ilmu.

Seterusnya, buku ini mengupas isu-isu semasa dalam dunia pendidikan Islam. Perbincangan dimulakan dengan kupasan tentang personaliti guru pendidikan Islam dalam program pendidikan khas yang merupakan satu isu global. Ini diperlukan bagi mengatasi isu kelainan upaya para pelajar, sama ada daripada aspek mental atau fizikal. Seterusnya buku ini melanjutkan kupasan isu semasa dengan membincangkan pendidikan kepelbagaian budaya dalam pengajaran pendidikan Islam. Menyedari Islam adalah agama yang universal dan diturunkan untuk semua umat manusia, adalah penting bagi seorang guru pendidikan Islam agar cakna dengan kepelbagaian budaya dalam proses pendidikan. Begitu juga dengan kepentingan membina hubungan yang baik di antara akhlak dan gaya pembelajaran dengan pencapaian murid di sekolah. Istilah 'kaya ilmu, miskin adab' seharusnya dibanteras agar mencapai pendidikan yang berkesan dan dapat membentuk jiwa pelajar yang membangun secara menyeluruh.

Perbincangan dilanjutkan dengan mengupas tentang penggunaan teori pembangunan akhlak dalam program pembentukan akhlak pelajar. Buku ini membincangkan tentang teori ini secara terperinci dengan perkaitan yang jelas dengan kajian masa lampau. Ini dapat memudahkan para pembaca memahami teori yang dinyatakan untuk diaplikasikan dalam proses pendidikan di institusi pendidikan. Dengan memastikan elemen Islamik diterapkan secara subur dalam proses pendidikan, penerapan ta'dib diberikan perhatian tanpa mengurangkan kepentingan ilmu akademik bagi seseorang pelajar. Kupasan ini sangat menarik kerana membincangkan faktor hilangnya 'ruh' dalam pendidikan serta kepincangan yang berlaku dalam pendidikan masa kini. Tanpa bias, buku ini menekankan kepentingan pendidikan al-Quran yang berpanjangan dalam proses pendidikan dengan kepentingan dan matlamatnya digariskan secara jelas bagi memudahkan pemahaman para pembaca.

Akhir sekali, buku ini meringkaskan tuntutan, ciri dan contoh-contoh seorang pendidik yang inovatif bagi memastikan seorang pendidik kekal relevan walaupun terdapat pelbagai kemajuan yang dibawa seiring dengan perkembangan teknologi dalam dunia masa kini.

Sejumlah cadangan dan contoh bahan pengajaran dikemukakan bagi membantu para guru untuk menjayakan proses pendidikan.

### **Impak kepada Bidang**

Ilmu merupakan aspek yang penting dalam kehidupan seseorang manusia. Ilmu adalah kunci kebenaran dan membenarkan manusia untuk membezakan perkara yang benar dan salah. Terdapat perbezaan yang ketara antara orang yang berilmu dan orang yang tidak berilmu sebagaimana yang disebut dalam surah az-Zumar ayat 9:

"Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Islam adalah agama yang mementingkan ilmu dan pendidikan. Kehadiran Islam ke dunia adalah untuk mendidik manusia tentang cara hidup yang benar dan diredai oleh Allah SWT. Buku ini memberikan kupasan yang panjang lebar dan mendalam tentang pembangunan profesionalisme seorang guru pendidikan Islam. Namun begitu, ini tidaklah bermakna bahawa buku ini tidak dapat memenuhi aspek pembangunan profesionalisme guru-guru dalam bidang akademik yang lain. Isi kandungan buku ini digarap agar dapat membangunkan jiwa pendidik secara universal tanpa berat sebelah atau cenderung kepada guru pendidikan Islam sahaja.

Menyedari hakikat kepentingan peranan ilmu dan pendidik, seorang guru Muslim khususnya guru Pendidikan Islam seharusnya boleh memanfaatkan buku ini sepenuhnya bagi memahami lebih lanjut mengenai konsep profesionalisme guru. Tidak sekadar memberikan fokus kepada pembangunan diri seorang guru, perbincangan di dalam buku ini turut menyentuh aspek pembangunan diri pelajar. Memandangkan dua aspek ini adalah elemen utama di dalam sesebuah institusi pendidikan, perhatian yang diberikan kepada kedua-dua elemen ini memastikan masyarakat di sesebuah institusi pendidikan saling melengkapi bagi menjayakan pendidikan yang dijalankan.

Menariknya, perbincangan di dalam buku ini mengambilkira ruang pandang dunia barat dan dunia Islam serta memastikan isu pendidikan yang sekian lama dihadapi turut dibincangkan selari dengan isu semasa dalam dunia pendidikan masa kini. Penggabungan ilmu yang mencakupi aspek-aspek berbeza ini memberikan sudut pandang yang baharu kepada dunia pendidikan. Ini bertepatan dengan resolusi yang telah dicapai dalam seminar Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan pada 2 hingga 5 Oktober 1995:

Pendidikan Islam hendaklah menjadi teras kepada sistem pendidikan kebangsaan dalam melaksanakan sistem pendidikan yang bersepadu berasaskan integrasi ilmu, akal dan wahyu, ke arah menghapuskan dikotomi dan dualisme dalam pendidikan.

Al-Quran menjelaskan bahawa manusia memiliki potensi untuk meraih ilmu dan mengembangkannya dengan izin Allah SWT. Manusia diperintahkan oleh Allah SWT melalui ayat-ayat di dalam al-Quran untuk menempuh dan menggunakan pelbagai cara bagi meningkatkan ilmu pengetahuan. Selain itu, terdapat juga sejumlah ayat al-Quran yang menceritakan tentang kelebihan ilmu dan betapa tingginya kedudukan orang yang

mempunyai ilmu pengetahuan pada pandangan Allah SWT. Bagi menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan pada semua peringkat pendidikan. Maka bertepatanlah buku ini diterbitkan untuk meningkatkan penguasaan ilmu para pendidik mengenai penanda aras yang perlu dicapai bagi menjadi pendidik yang relevan dengan zaman semasa.

### **Cadangan penambahbaikan**

Setelah diteliti, didapati buku ini membawakan sudut pandang yang baharu dan segar daripada aspek pembangunan profesionalisme guru pendidikan Islam di Malaysia. Semua perbincangan disokong dengan literatur dan rujukan-rujukan yang berkaitan dan terkemuka di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Buku ini turut memberikan perhatian kepada pembangunan menyeluruh diri pendidik dan pelajar.

Kesinambungan buku ini ditulis dengan membincangkan aspek pembangunan profesionalisme guru pendidikan Islam terutamanya bagi mendepani khalayak yang kurang memahami agama Islam mahupun khalayak bukan Islam. Sebagai contoh tauladan kepada masyarakat sekitar, guru pendidikan Islam mahupun guru-guru Muslim yang mengajar ilmu bidang selain pendidikan Islam mempunyai reputasi yang tinggi pada mata masyarakat. Walaupun sering diuji dengan ancaman permodenan, guru tetap menjalankan tugas sebagai pendidik jiwa masyarakat tanpa jemu dan lelah. Maka, persiapan yang jitu perlulah diberikan perhatian terutamanya apabila arus pemodenan menjadi perantara utama dalam kehidupan seharian para pelajar.

Selain itu, turut dicadangkan agar siri penulisan buku ini dilanjutkan lagi dengan mengupas tentang cara-cara pengajaran guru-guru cemerlang Pendidikan Islam di dalam penggunaan teknologi terkini sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Kupasan mengenai penggunaan teknologi terkini seperti yang digunapakai oleh guru-guru cemerlang Pendidikan Islam sewaktu menyampaikan isi kandungan mata pelajaran akan memberikan impak yang signifikan kepada diri pelajar seterusnya menjadikan guru-guru sebagai pendidik yang relevan dengan perubahan zaman. Kepentingan seorang guru mempunyai ilmu dan kemahiran teknologi terkini serta berkeupayaan menggabungkan penggunaan media sosial dalam menyampaikan isi pengajaran adalah langkah mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran kerjaya seorang pendidik dalam dunia pendidikan. Akhir sekali, dicadangkan buku ini memberikan perhatian kepada penggunaan ayat dan ejaan yang konsisten sepanjang penulisan. Terdapat kesalahan-kesalahan yang ketara pada struktur ayat dan ejaan yang jelas kelihatan kepada pembaca. Walaupun kesalahan ini tidak mengganggu pemahaman pembaca terhadap isi kandungan buku ini, pemerhatian kepada aspek penulisan adalah suatu keperluan bagi memberikan rupa tampak profesional kepada isi kandungan dan persembahan buku ini.

### **Kesimpulan**

Buku ini memberikan satu nilai tambah dalam membangunkan profesionalisme guru pendidikan Islam. Memetik nukilan penulis prakata buku ini: "Proses pembangunan guru pendidikan Islam yang profesional bukanlah satu usaha yang mudah dan memerlukan sokongan dari semua peringkat masyarakat dan pihak berkuasa".

Sesungguhnya al-Quran dan Sunnah haruslah dijadikan panduan kerana pendidikan dalam Islam mempunyai kaitan dengan aspek jasmani dan rohani serta merupakan suatu bentuk kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Oleh hal yang demikian, pembangunan profesionalisme guru pendidikan Islam haruslah diberikan penekanan yang tinggi bagi

memastikan kegemilangan umat dan agama Islam serta mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

**Julia Madzalan**

Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Bahasa

Fakulti Pendidikan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)